



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

Deputy Secretary General (Management)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry of Health Malaysia

*Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.*

Telefon : 03 - 88832540

Fax : 03 - 88895303

Rujukan kami : (38)dlm.KKM(NP)253(215) Bhg.6

Tarikh : 6 Mac 2008.

Semua Setiausaha/Pengarah Bahagian,

Semua Pengarah Kesihatan Negeri,

Semua Pengarah Institusi,

Semua Pengarah Hospital,

Kementerian Kesihatan Malaysia.

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING URUSAN PENANGGUNGAN KERJA DI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

Dengan hormatnya sukacita saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sepertimana Y.Bhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telahpun mengeluarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 berkaitan Peraturan Penanggungungan Kerja Perkhidmatan Awam**. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan bagi menetapkan peraturan mengenai urusan penanggungungan kerja dalam perkhidmatan awam.

3. Sehubungan dengan itu, setelah mengambil kira kesesuaian pelaksanaannya di Kementerian ini dan atas pandangan dan nasihat daripada JPA, maka KKM telah membuat ketetapan untuk menerima

pakai peraturan penanggungjian kerja yang baru ini dan beberapa pengubahsuaian agar ianya selaras dengan keperluan di KKM.

4. Oleh yang demikian, pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 yang dikeluarkan oleh JPA perlu dirujuk secara bersama dan dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling KKM ini khususnya mengenai perkara-perkara berikut :-

4.1 Kuasa Melulus Penanggungjian Kerja

Penanggungjian kerja seseorang pegawai boleh dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang disenaraikan **mengikut jawatan dan gred** yang akan ditanggung kerja dalam jadual seperti di **LAMPIRAN I**.

4.2 Penanggungjian Kerja Jawatan Yang Baru Diwujudkan dan Belum Pernah Diisi

Penanggungjian kerja bagi jawatan yang baru diwujudkan sama ada melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM) atau Waran Perjawatan yang masih belum dibuat pengisian adalah tidak dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, **pertimbangan atau kelulusan khas** boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa Melulus seperti dimaksudkan di **LAMPIRAN I** sekiranya penanggungjian kerja adalah melibatkan jawatan-jawatan seperti berikut :

- i. Ketua Bahagian/Ketua Cawangan/Ketua Unit;
- ii. Jawatan yang melibatkan tugas-tugas penyeliaan; dan
- iii. Jawatan yang diwujudkan di dalam Bahagian atau Unit yang baru ditubuhkan bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi tertentu yang ditetapkan dan amat diperlukan.

4.3 Penanggungjian Kerja Di Lokasi Berlainan Dalam Lingkungan 25km

Jawatan yang ditanggung kerja hendaklah berada di dalam struktur organisasi dan lokasi yang sama. Walau

bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, jika organisasi berada di lokasi berlainan tetapi dalam lingkungan 25km, **perakuan khas Ketua Jabatan** diperlukan terhadap perakuan penanggungungan kerja dengan mengambil kira keperluan dan keberkesanan pelaksanaan tugas secara tanggung kerja. Ketua Jabatan adalah merujuk kepada Ketua/Penyelia di mana pegawai bertugas berdasarkan peringkat pentadbiran seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN II**.

5. Peraturan Penanggungungan Kerja ini adalah bagi **menggantikan** Panduan Penyelenggaraan Urusan Penanggungungan Kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian ini dalam surat **bil.(13)d/m.KK(S)-523(257) Bhg.1 bertarikh 24 Disember 1996**. Bagi memastikan peraturan baru ini dapat dilaksanakan dengan lancar, pihak Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diharap dapat menyediakan tatacara berkaitan urusan penanggungungan kerja di jabatan masing-masing selaras dengan surat pekeliling ini dan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007** yang dikeluarkan oleh JPA.

6. Kementerian ini telah memutuskan bahawa tarikh kuatkuasa pelaksanaan peraturan baru ini **bermula dengan arahan penanggungungan kerja yang dikeluarkan mulai 1.1.2008**. Kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk melaksanakan arahan ini dengan sewajarnya dan memaklumkan perkara ini kepada semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di bawah pentadbiran masing-masing.

7. Sebarang kemusykilan mengenai pelaksanaan peraturan baru ini, Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dinasihatkan supaya menghubungi pegawai di Bahagian Sumber Manusia, KKM seperti berikut :

- i. Tuan Haji Arzmi Bin Mansor
(Unit Naik Pangkat Profesional) : 03-88832709
- ii. Puan Siti Hijer Binti Hj. Othman
(Unit Naik Pangkat Sokongan) : 03-88833590

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AHMAD BIN HAJI KABIT)
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k.:-

KSU

KPK

TKSU (Kewangan)

TKPK (Perubatan)

TKPK (Kesihatan Awam)

TKPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Y.B. Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Y.B. Timbalan Menteri
Kesihatan

Setiausaha Sulit Kepada Y.B. Setiausaha Parlimen